
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kolej Teknologi Pulau

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2007/2008
Jun 2008

**Program Ijazah Luaran
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian)**

ATW111 – Perakaunan Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1 (20 markah)

Imbangan Duga bagi Perniagaan Semucut Enterprise, pada bulan berakhir 31 Ogos, 2007, dan berikut adalah maklumat yang diperlukan untuk pelarasan akhir bulan.

- (a) Sewa bayar terdahulu yang masih lagi tinggal pada akhir bulan 31 Ogos ialah RM1,050.
- (b) Bekalan yang telah digunakan pada bulan ini adalah RM140.
- (c) Susutnilai perabot bagi bulan ini ialah RM370.
- (d) Susutnilai bangunan bagi bulan ini ialah RM130.
- (e) Belanja gaji terakru pada akhir bulan, 31 Ogos, RM460.
- (f) Hasil belum diperolehi pada 31 Ogos adalah sebanyak RM7,750.

Semucut Enterprise
Imbang Duga
31 Ogos 2007

	Akaun	Debit RM	Kredit RM
Tunai		6,800	
Akaun belum terima		17,560	
Sewa bayar terdahulu		1,290	
Bekalan		900	
Perabot		15,350	
Susutnilai terkumpul - Perabot			12,800
Bangunan		89,900	
Susutnilai terkumpul - Bangunan			28,600
Akaun belum bayar			6,240
Gaji belum bayar			8,900
Hasil belum diperolehi			20,000
Saham Biasa			54,920
Perolehan tertahan			4,800
Dividen		4,800	
Hasil perkhidmatan			7,800
Belanja Gaji		1,600	
Belanja Utiliti		410	
Belanja Pengiklanan		650	
Jumlah		139,260	139,260

Dikehendaki:

(i) Sediakan jurnal pelarasan bagi perkara-perkara di atas.

[6 markah]

(ii) Selepas pelarasan dilakukan sediakan penyata pendapatan, penyata perolehan tertahan dan kunci kira-kira bagi Perniagaan Semucut Enterprise.

[14 markah]

Soalan 2 (15 markah)

1. Terangkan apakah tujuan perakaunan dan siapakah yang menggunakan maklumat perakaunan.

[5 markah]

2. Sediakan penyata penyesuaian bank bagi bulan yang berakhir pada 31 Disember 2007, bagi Kedai Bunga Jim berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah:

- Baki pada penyata bank ialah RM26,222.
- Baki pada buku tunai ialah RM24,641.
- Pada penyata bank bulan Disember terdapat caj perkhidmatan sebanyak RM35.
- Cek #1169 sebanyak RM730 dan Cek #1183 sebanyak RM2,150 masih belum dicatatkan dalam penyata bank.
- Deposit sebanyak RM3,472 yang dibuat pada 30 Disember masih belum dicatatkan dalam penyata bank.
- Memo debit daripada bank menyatakan cek yang dikeluarkan oleh Ramu dan dibayar kepada Kedai Bunga Jim telah dicatatkan dalam buku tunainya pada 11 Disember adalah cek lambung. Nilai cek ini adalah sebanyak RM644.
- Memo kredit daripada bank menyatakan kutipan sebanyak RM2,800 bagi nota belum terima telah dibuat oleh bank bagi pihak Kedai Bunga Jim dan hasil faedahnya adalah RM52, pada 15 Disember 2006.

[10 markah]

Soalan 3 (20 markah)

1. Berikut adalah maklumat untuk Jom-Jom Sdn Bhd:

	<u>RM</u>
Hasil Jualan	280,000
Belian (kos)	200,000
Komisen jualan	9,000
Diskaun atas belian	8,000
Diskaun atas jualan	7,000
Pulangan dan elaun belian	4,300
Pulangan dan elaun jualan	2,500
Angkutan Masuk	800
Angkutan keluar	700
Baki awal inventori	10,000
Baki akhir inventori	9,150

Kirakan untuk Jom-Jom Sdn Bhd maklumat berikut:

- i) Jualan Bersih.
- ii) Belian bersih.
- iii) Kadar peratusan untung kasar.

[15 markah]

2. Jelaskan tentang konsep susutnilai. Masukkan dalam perbincangan anda satu tanggapan salah tentang susutnilai dan kesannya terhadap kewangan sesebuah perniagaan.

[5 markah]

Soalan 4 (20 markah)

Syarikat Perwira Bhd baru-baru ini telah kehilangan hampir separuh daripada rekod perakaunannya akibat kebakaran yang berlaku pada 10 Ogos 2006. Hanya maklumat berikut yang dapat diselamatkan:

Saham keutamaan yang nilai taranya RM100 mempunyai baki sebanyak RM229,000. Saham biasa di mana nilai tara RM50 telah dikeluarkan pada harga purata RM55 sesaham. Premium saham keutamaan mempunyai baki sebanyak RM22,900. Berdasarkan maklumat yang ada sebanyak 30,000 unit saham biasa telah dikeluarkan. Akaun perolehan tertahan mempunyai baki sebanyak RM172,000 pada 10 Ogos 2006.

Dikehendaki:

- (a) Kirakan berapa jumlah saham keutamaan yang telah dikeluarkan.
- (b) Berapakah baki akaun saham biasa?
- (c) Berapakah purata harga saham keutamaan yang dikeluarkan?
- (d) Kirakan baki akaun premium saham biasa.
- (e) Berapakah jumlah keseluruhan baki modal berbayar?
- (f) Berapakah jumlah keseluruhan ekuiti pemegang saham?

[20 markah]

Soalan 5 (25 markah)

Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 2005 untuk Syarikat Kukur dan kunci kira-kira pada Disember 31, 2006 and 2005 adalah seperti berikut.

Syarikat Kukur
Penyata pendapatan
Bagi tahun berakhir pada 31 Disember , 2006

	RM
Jualan	385,000
Hasil Dividen	5,000
	390,000
Kos barang dijual	233,000
Belanja gaji	82,000
Belanja periklanan	10,000
Susut Nilai	11,000
Belanja cukai	17,000
Rugi atas jualan pelaburan	2,000
Untung bersih	35,000

Syarikat Kukur
Kunci Kira-kira pada 31 Disember, 2006

Aset	2006	2005
	RM	RM
Tunai	8,000	12,000
Akaun belum terima	22,000	28,000
Inventori	94,000	66,000
Belanja pengiklanan pra-bayar	12,000	9,000
Pelaburan jangka panjang	30,000	41,000
Kilang dan Peralatan , Nilai bersih	106,000	69,000
Jumlah Aset	272,000	225,000

Liabiliti dan Ekuiti

Akaun belum bayar	27,000	23,000
Gaji belum bayar	6,000	2,500
Cukai belum bayar	3,000	4,500
Nota belum bayar (jangka panjang)	20,000	20,000
Saham Biasa	119,000	105,000
Perolehan tertahan	97,000	70,000
Jumlah liabiliti dan Ekuiti	<u>272,000</u>	<u>225,000</u>

Maklumat tambahan:

1. Dividen tunai sebanyak RM17,000 telah diisytihar dan dibayar pada 2006.
2. Separuh daripada aset kilang telah dijual pada nilai bukunya sebanyak RM10,000. Kos asalnya ialah RM20,000.
3. Pelaburan telah dijual pada harga kosnya iaitu sebanyak RM11,000.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan penyata aliran tunai lengkap dengan menggunakan kaedah langsung.

[20 markah]

- (b) Mengapakah penyata aliran tunai penting kepada:

- (i) pelabur.
- (ii) pemiutang (kreditor).
- (iii) pengurusan.

[5 markah]